

# Khalid hadapi cabaran janji, kekal kemajuan Se

## Analisis

Oleh Wan Jailani Razak  
dan Tuan Nazuri Tuan Ismail

**R**AKYAT Selangor menunggu dengan penuh minat barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang bakal diumumkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebelum Sabtu ini. Khalid, 62, yang mengangkat sumpah jawatan itu Khamis lalu akan melantik 10 ahli Exco, tetapi tidak diketahui sama ada jawatan Timbalan Menteri Besar akan turut diwujudkan.

Pada peringkat awal memang kedegangan ura-ura kemungkinan jawatan itu diisi oleh wakil DAP memandangkan parti itu memperoleh 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu kedua terbanyak di barisan pembangkang selepas Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mendapat 15 kerusi, manakala lapan lagi kerusi dimenangi Pas.

Barisan Nasional (BN) memperoleh 20 kerusi. Selangor mempunyai 56 kerusi DUN. Abdul Khalid dijangka mengekalkan jumlah 10 ahli exco seperti sebelum ini.

Bagaimanapun, Abdul Khalid mungkin menyedari undang-undang tubuh Selangor, kemudian menyatakan bahawa beliau tidak bercadang melantik timbalannya sekarang, walaupun ada desakan berbuat demikian daripada parti yang bergabung membentuk kerajaan baru negeri Selangor.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 membolehkan Sultan melantik dengan surat cara di bawah tandatangan baginda dan mohor Kerajaan, seorang timbalan menteri besar.

Menurut Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani sehingga kini baginda belum dinasihati Menteri Besar mengenai pelantikan itu dan tidak timbul persoalan sama ada seorang timbalan menteri besar berbangsa Melayu atau bangsa lain.

"Ada pihak menyebarkan berita bahawa pihak istana memihak kepada satu kaum saja dalam pelantikan Timbalan Menteri Besar. Berita ini tidak benar," katanya bagi menangkis dakwaan itu.

Sebelum ini, ada akhbar tempatan melaporkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Pinang, Teng Chang Khim (DAP) dijangka dilantik Timbalan Menteri

Besar selepas mengekalkan kerusi itu, menewaskan pencabarnya daripada Barisan Nasional BN, Datuk Song Kee Chai dengan majoriti lebih 7,000 undi.

Seorang lagi orang kuat DAP, Theresa Kok yang juga Adun Kinrara dan Ahli Parlimen Seputeh, turut disebut untuk jawatan itu.

"Saya akan memperhalusi Kabinet baru yang akan merangkumi semua wakil daripada ketiga-tiga parti dalam kerajaan campuran ini. Saya hanya akan mencadangkan nama-nama anggota Exco. Biar Sultan yang membuat keputusan untuk memilih siapa Timbalan Menteri Besar," kata Abdul Khalid dalam sidang akhbar baru-baru ini.

Bagaimanapun, ketika tumpuan menjurus kepada pembentukan kerajaan negeri dan pengumuman nama bakal exco sebelum Sabtu ini, timbul pula ura-ura kemungkinan Abdul Khalid mengosongkan kerusi Parlimen Bandar Tun Razak bagi membolehkan penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding dalam pilihan raya kecil.

Abdul Khalid yang juga Setiausaha Agung PKR turut menang kerusi DUN Ijok walaupun tewas di kawasan sama pada pilihan raya kecil tahun lalu, dengan menewaskan calon BN, Datuk Mohamed Sayuti Said. Di kerusi Parlimen Bandar Tun Razak, beliau menewaskan calon BN dan penyandang yang juga bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho dengan majoriti 2,515.

Tidak dipastikan sejauh mana kebenaran ura-ura itu yang timbul selepas DAP secara terbuka mahukan Anwar kembali ke Parlimen secepat mungkin. Anwar dikatakan lebih berminat untuk mengambil alih kerusi Parlimen Permatang Pauh yang dimenangi isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail merangkap Presiden PKR.

Apa yang turut menarik di Selangor ialah kemenangan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), M Manoharan bagi kerusi DUN Kota Alam Shah atas tiket DAP, menewaskan calon BN Ching Su Chen dengan majoriti 7,184. Manoharan, seorang peguam, ditahan Disember lalu kerana dituduh terbabit dalam penganjuran perhimpunan haram pada 25 November tahun lalu dan membuat kenyataan berunsur hasutan.

Bagaimanapun, sebagai bekas tokoh korporat yang pernah menerajui Permodalan Nasional Berhad (PNB), Abdul Khalid mahukan memastikan Selangor memiliki sum-

# laksana elangor

ber dan rizab mencukupi untuk mengekalkan pertumbuhan dan menyifatkan ia cabaran kepada pasukan baru bagi meningkatkan pembangunan negeri dan pada masa sama, menghadapi cabaran global seperti peningkatan harga minyak dan komoditi, selain perkembangan perlahan ekonomi tertentu termasuk Amerika Syarikat.

Bagi rakyat, beliau merakamkan ucapan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada pakatan pembangkang yang dipilih menerusi pilihan raya umum yang baru lalu.

"Saya berhutang kepada pengundi yang memilih kami sebagai kerajaan, dan saya akan laksanakan sebaik mungkin," katanya ringkas.

Yang jelas, Pas sudah mula mengorak langkah awal dengan mengumumkan 30 peratus elaun yang akan diterima Adun dan Ahli Parlimen parti itu akan digunakan untuk membantu penduduk miskin.

Ada yang kagum dan ada yang senyum sinis mendengar pengumuman itu kerana seperti menjadi satu 'trend' bagi wakil rakyat menabur pelbagai janji sebaik saja menang.

Pakatan pembangkang yang sekian lama mengidam memerintah Selangor memikul tanggungjawab besar untuk mengekalkan rekod cemerlang kerajaan BN yang membawa Selangor menjadi satu-satunya negeri maju.

Kerajaan baru juga berdepan cabaran besar untuk menambah pelaburan asing di negeri itu yang sudah mencatatkan RM11.2 bilion tahun lalu di samping memastikan kejayaan projek Lembah Klang Kedua yang mengandungi pembinaan Taman Sains 2 dan Canal City.

Adakah kerajaan baru mampu mentadbir dengan lebih baik? Rakyat menunggu dengan penuh minat termasuk sama ada kerajaan negeri yang baru itu memenuhi segala janji seperti dinyatakan dalam manifesto ketika kempen baru-baru ini.

Pada sidang media di Istana Bukit Kalyangan baru-baru ini, Abdul Khalid mengakui perlu mengkaji semula janji yang dibuat kepada penduduk Selangor.

Katanya, beliau akan membawa semua manifesto itu untuk dibincangkan pada peringkat kerajaan negeri sebelum dapat dilaksanakan di Selangor.

Beliau memberi alasan kebanyakan janji manifesto yang dibuat itu berkait rapat de-




**Abdul Khalid Ibrahim**



**Mohamed Sayuti, kalah di Ijok**



**Teng Chang Khim, Adun Sungai Pinang**



**M Manoharan, Adun Kota Alam Shah**

ngan Kerajaan Pusat sekali gus membawa maksud kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengubah dasar dan peraturan yang dikawal oleh Pusat.

Antara janji dalam manifesto itu ialah mendaftar nama semua warga emas di Selangor yang berusia lebih 65 tahun untuk mendapat perubatan percuma selain mendaftar setiap anak yang dihantar ke pusat asuhan bagi mendapat bantuan

RM75 sebulan.

Ia juga berjanji akan membuka tabung permulaan RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor, memberi bantuan RM75 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke pusat asuhan kanak-kanak, memberi bantuan RM50 sebulan seorang bagi pendidikan pra-sekolah dan memberi hadiah RM1,000 kepada setiap anak Selangor yang mendapat tawaran ke universiti.